

04/02/1998

Bank Dunia sebar kelebihan Malaysia (HL)

Azizi Othman

SUBANG, Selasa - Bank Dunia akan menyebarkan maklumat mengenai kedudukan sebenar dan kukuhannya Malaysia bagi menangkis salah tanggapan antarabangsa yang sering menyamakannya dengan beberapa negara serantau yang teruk dilanda kegawatan ekonomi.

Presiden Bank Dunia, James D Wolfensohn, berkata langkah yang bertujuan membantu Malaysia meningkatkan keyakinan asing terhadap ekonominya itu, dijangka dibuat menerusi Memorandum Ekonomi Negara (CEM), yang akan dikeluarkannya tidak lama lagi.

Menurutnya, Bank Dunia akan melakukan apa sahaja yang perlu untuk tujuan itu dan CEM, yang akan disediakan oleh satu delegasinya, pasti dapat memberi penjelasan mengenai perbezaan ekonomi Malaysia dengan negara lain di rantau ini.

"Usaha menyebarkan maklumat mengenai kedudukan sebenar ekonomi Malaysia yang kukuh ini penting bagi memastikannya tidak disamakan dengan beberapa negara Asia lain, yang teruk dilanda kesan kegawatan ekonomi," katanya dalam sidang akhbar di sini petang ini.

Wolfensohn berlepas ke Indonesia selepas melawat Malaysia dua hari. Kunjungannya ke sini adalah sebahagian daripada lawatannya ke enam negara Asia bagi menilai kesan krisis ekonomi rantau ini dan bagi menawarkan sokongan untuk reformasi kewangan, sosial dan pembangunan.

Sebelum ini, beliau telah melawat Singapura dan Thailand. Selepas ke Indonesia, beliau akan ke Filipina dan Korea Selatan. Ketika di sini, beliau mengadakan perbincangan dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mengulangi pendirian Bank Dunia bahawa ekonomi Malaysia lebih baik berbanding Korea, Thailand dan Filipina, Wolfensohn berkata, bank itu juga akan membantu memastikan masyarakat antarabangsa, terutama pelabur faham mengenai keutuhan ekonomi negara ini.

"Malaysia sama sekali berbeza dengan negara seperti Thailand, Korea dan Indonesia kerana ia mempunyai rekod pertumbuhan yang cemerlang serta kaedah pengurusan ekonomi yang baik.

"Aspek paling utama dan penting yang membuktikan kelebihan Malaysia, sekali gus membezakannya dengan negara lain ialah negara ini tidak mempunyai banyak hutang jangka pendek asing yang tidak dilindungi nilai.

"Kerana itu, Bank Dunia akan berusaha menjelaskan perbezaan dan salah anggap ini kerana ia penting dalam proses membina keyakinan pelabur antarabangsa terhadap Malaysia," katanya.

Tanpa hutang jangka pendek asing yang besar, Malaysia tidak perlu meraih simpati masyarakat kewangan antarabangsa dalam menentukan jatuh bangun ekonominya.

Sektor awam dan swasta Malaysia juga tidak dibelenggu masalah tuntutan atau desakan masyarakat pembiaya serta bank antarabangsa yang mendesakannya untuk melunaskan pinjaman.

"Inilah hakikat dan maklumat yang perlu disebarikan kepada masyarakat antarabangsa bagi membolehkan mereka faham mengenai letak duduk sebenar ekonomi Malaysia dan kelebihannya berbanding negara lain," jelas Wolfensohn yang mengakui usaha itu bukannya mudah kerana ia dipengaruhi pelbagai unsur dalaman dan luaran sesebuah negara serta serantau, selain persepsi individu.

Beliau berkata, memang wujud beberapa masalah dalam ekonomi Malaysia seperti defisit akaun semasa imbalan pembayaran, pertumbuhan kredit dan

sektor hartanah yang terlalu pesat, tetapi ia sedang cuba diatasi kerajaan.

"Apa pun, perkara yang lebih bersifat kesilapan ini adalah lumrah dalam semua ekonomi. Oleh itu, saya ingin menjelaskan bahawa ia boleh diatasi terutama dengan sifat pragmatik dan terbuka Malaysia untuk tidak menyembunyikannya.

"Yang penting, ia memang boleh diselesaikan terutama jika dilihat kesungguhan Malaysia mengatasinya melalui amalan berhemat tetapi pada masa yang sama, mengekalkan momentum pertumbuhan ekonominya," kata beliau.

Wolfensohn turut mengulangi pujiannya terhadap dasar pengurusan ekonomi Malaysia di bawah kepimpinan Dr Mahathir dan Anwar kerana ia memang menepati keperluan.

Sehubungan itu, beliau yakin Malaysia akan muncul sebagai sebuah ekonomi yang lebih mantap dan kukuh selepas berakhirnya kemelut kegawatan ini, seperti dialami Mexico dan beberapa negara Amerika Latin sebelum ini.

(END)